

NO. RUJUKAN: KP(BPG)9561/JLD. 74 (26)

PROGRAM LATIHAN PERGURUAN SWASTA (PLPS)

GARIS PANDUAN PRAKTIKUM

BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
(Berkuatkuasa mulai Julai 2006)



KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengenalan	2
Definisi Istilah	3
 I. PROGRAM LATIHAN MENGAJAR	
1. Pendahuluan	4
2. Latar Belakang	4
3. Konsep	5
4. Rasional	6
5. Matlamat	7
6. Objektif	7
7. Pelaksanaan Praktikum	7
 II. PRAKTIKUM	
1. Konsep	7
2. Objektif	8
3. Prosedur Pelaksanaan	8
4. Peranan dan Tanggungjawab	10
5. Kehadiran Praktikum	13
6. Penangguhan Praktikum	14
7. Kes Gagal Praktikum	14
8. Syarat Taksiran Prestasi Pelajar Dalam Praktikum	14
 III. LAMPIRAN	
1. Lampiran 1 (Penulisan Jurnal)	18
2. Lampiran 2 (Garis Panduan Perlaksanaan Kokurikulum di di sekolah)	19
3. Lampiran 3 (Pencerapan Klinikal)	20
4. Lampiran 4 (Borang Bimbingan Praktikum PR1)	22
5. Lampiran 5 (Panduan Penggunaan Borang PR 1)	24
6. Lampiran 6 (Borang Penilaian Prestasi PR2)	31
7. Lampiran 7 (Panduan Penggunaan Borang PR2)	34
8. Lampiran 8 (Borang Praktikum Bimbingan PR1/PRA)	39
9. Lampiran 9 (Panduan Penggunaan Borang PR1/PRA)	41
10. Lampiran 10 (Borang Bimbingan Praktikum Pendidikan Khas PR1/MP)	47
11. Lampiran 11 (Panduan Penggunaan Borang PR1/MP	49
12. Lampiran 12 (Borang Penilaian Praktikum - Penyelarasan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran PR1/MP)	55
13. Lampiran 13 (Borang Penilaian oleh Pengurus Sekolah)	57

PENGENALAN

Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan Program Latihan Perguruan Swasta (PLPS) digubal sebagai panduan dalam melaksanakan program praktikum bagi pelajar yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR), Kursus Perguruan Lepas Diploma (KPLD) dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Kandungan Garis Panduan Praktikum ini meliputi aspek-aspek latar belakang program, struktur dan prosedur pelaksanaan, peranan dan tanggungjawab, juga penilaian dan panduan penggunaan borang. Di samping itu terdapat bahagian lampiran di mana dimuatkan borang-borang bimbingan dan penilaian serta dokumen lain yang berkaitan yang dapat membantu pengguna dalam melaksanakan program ini dengan sempurna.

Memandangkan kandungan buku garis panduan sedemikian rupa, ia wajar menjadi rujukan pensyarah pembimbing dan pelajar dalam memahami dan menghayati peranan serta tanggungjawab masing-masing dalam menjayakan program praktikum. Pensyarah pembimbing menjadikan garis panduan ini sebagai sumber membantu mereka menghayati peranan mereka dalam menjalankan tugas membimbing, menyelia dan menilai pelajar semasa program praktikum. Pelajar pula perlu menjadikan garis panduan ini sebagai bahan rujukan asas untuk memahami, menghayati dan seterusnya melaksanakan segala tugas praktikum dengan sempurna.

Selain itu, pihak pengurusan maktab khususnya Setiausaha Praktikum dan Pasukan Pengurusan Praktikum Maktab, pihak pengurusan sekolah, institusi, serta organisasi lain yang berkaitan dapat menggunakan garis panduan ini untuk membantu mereka melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran yang berkaitan dengan program praktikum. Tugas-tugas yang dimaksudkan ini meliputi urusan pelantikan, penempatan, pemantauan dan kerja-kerja penyelarasan.

Buku panduan ini diharap dapat membantu usaha menjayakan program praktikum untuk pelajar PLPS dalam memastikan program ini dapat memberi sumbangan bermakna dalam menyempurnakan pelaksanaan sistem latihan perguruan kendalian Bahagian Pendidikan Guru. Kejayaan ini pasti membantu usaha merealisasikan cita-cita dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

DEFINISI ISTILAH

Pensyarah Pembimbing	: Merujuk kepada pensyarah maktab yang dilantik oleh Pengarah untuk membimbing, menyelia dan menilai prestasi pelajar semasa praktikum.
Pelajar	: Merujuk kepada penuntut institusi pendidikan swasta, sekolah persendirian, calon persendirian dan agensi luar Kementerian Pelajaran Malaysia.
Maktab	: Merujuk kepada maktab perguruan di bawah Bahagian Pendidikan Guru yang mengendalikan kursus latihan perguruan.
Bilik Darjah	: Merujuk kepada lokasi di mana sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan, termasuk bilik kuliah, bengkel, dan makmal.
Sekolah	: Merujuk kepada institusi pendidikan swasta, sekolah persendirian dan agensi luar Kementerian Pelajaran Malaysia.
Pemantauan	Merujuk kepada aktiviti meneliti pelaksanaan praktikum.
Rentasan	Merujuk kepada aktiviti pengesahan kes gagal / cemerlang
Latihan Mengajar	Merujuk kepada pelajar mengamalkan amalan pengajaran dan pembelajaran atau pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam situasi sebenar di bilik darjah, sekolah atau institusi.

PROGRAM LATIHAN MENGAJAR

1. PENDAHULUAN

Program Latihan Perguruan Swasta (PLPS) merupakan satu usaha ke arah merealisasikan Dasar Pensyarikatan Malaysia dalam perkongsian ilmu yang melibatkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan agensi luar KPM dalam bidang pendidikan. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) menawarkan program PLPS dalam beberapa bidang kursus sebagai satu kaedah penyaluran kemahiran keguruan dan lain-lain aspek yang berkaitan ilmu pendidikan kepada tenaga pengajar sektor swasta secara formal dan terancang. Dalam keadaan sedemikian, tuntutan Praktikum untuk pelajar PLPS ini dirancang untuk kursus-kursus jangka panjang seperti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) dan Kursus Perguruan Lepas Diploma (KPLD) dan tidak melibatkan kursus jangka pendek.

2. LATAR BELAKANG

Program latihan mengajar (LM) adalah komponen penting dalam kurikulum latihan perguruan praperkhidmatan yang berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

Bahagian Pendidikan Guru telah mengkaji dan mengemas kini program latihan mengajar dari semasa ke semasa. Perubahan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

- i. Penyeliaan bersama pihak sekolah dan maktab mulai 1989.
- ii. Konsep guru pembimbing dimulakan secara rasmi pada Jun 1993.
- iii. Praktikum dua peringkat untuk Kursus Perguruan Asas (KPA) Lima Semester, Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Kursus Perguruan Lepas Diploma (KPLD) dan Kursus Dalam Cuti (KDC).
- iv. Praktikum empat peringkat untuk kursus Diploma Perguruan Malaysia (DPM) mulai Ogos 1996. Pelaksanaan praktikum ini kemudiannya dimantapkan lagi kepada dua peringkat.
- v. Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan mulai Tahun 1998 bagi semua kursus yang ditawarkan.
- vi. Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan dimantapkan pada bulan September 1999.
- vii. Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan (September 1999) dimurnikan pada bulan April 2002.
- viii. Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan (April 2002) disemak semula bagi memasukkan ketentuan praktikum bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah dan mode pengajian bercorak Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) serta memantapkan kandungannya pada April 2003.


- ix. Penyemakan semula Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan April 2003 dilakukan untuk memasukkan ketentuan praktikum bagi pelajar pengkhususan Bimbingan dan Kaunseling serta praktikum bagi pelajar pengkhususan Masalah Pembelajaran. Penyemakan ini juga perlu dibuat untuk menghasilkan Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan Untuk Pelajar Mode LPBS.

3. KONSEP

Program latihan mengajar perlu dilihat sebagai satu kontinum yang bermula sebaik sahaja pelajar mengikuti kursus di institut/maktab perguruan. Ia terbahagi kepada dua bahagian:

- (i) Prapraktikum yang merangkumi dua komponen:
 - a) Pengajaran makro dan mikro sebagai persediaan bagi pelajar sebelum menjalani praktikum. Ini dilaksanakan di maktab.
 - b) Pengalaman Mengajar yang meliputi aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh pelajar semasa bertugas di sekolah/institusi. Aktiviti pembelajaran ini diperkukuhkan menerusi Tugasan Pengalaman Mengajar yang disediakan oleh mata pelajaran Major, Minor/Elektif dan Ilmu Pendidikan. Oleh itu, komponen Pengalaman Mengajar ini diharap dapat membantu pelajar menjana ilmu keguruan berdasarkan pembelajaran dalam konteks sebenar.
- (ii) Praktikum ialah pengajaran dan pengalaman praktik di dalam dan di luar bilik darjah yang di bawah seliaan pensyarah pembimbing.

Pembahagian ini dapat digambarkan seperti berikut:




Rajah 1 : Konsep Program Latihan Mengajar

4. RASIONAL

Program Latihan Mengajar menyediakan peluang bagi pelajar mempraktikkan teori dalam amalan pengajaran pembelajaran serta menghasilkan teori pengajaran pembelajaran yang tersendiri. Melalui pengalaman ini dan proses refleksi, pelajar akan menghasilkan ilmu binaan (*situational knowledge*) yang menjadi asas kepada pembinaan ilmu profesional keguruan mereka seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.

Melalui program latihan praktik dan sistematik yang berasaskan sekolah dan bersifat *developmental*, pelajar dapat membina, menguasai dan mengukuhkan ilmu profesional keguruan untuk menjadi guru permulaan yang berkesan.

Dalam pelaksanaan praktikum, bimbingan dan latihan lebih diutamakan daripada penilaian. Proses ini memerlukan jalinan kerjasama dan perkongsian pengalaman serta kepakaran antara maktab dan sekolah yang menjadi teras pelaksanaan praktikum. Pemuafakatan yang mantap dan berstruktur ini dapat membantu perkembangan sekolah terutamanya dari segi peningkatan profesionalisme guru.



Rajah 2 : Proses Pembinaan Insan Guru Dalam Program Praktikum

Komponen utama yang perlu ada dalam praktikum ialah

- i Pengajaran dan pengalaman bilik darjah;
- ii Pengajaran dan pengalaman luar bilik darjah; dan
- iii Pembinaan sahsiah yang sesuai dengan profesion keguruan.

Tujuan praktikum ialah untuk melahirkan guru sekolah/institusi dan bukan semata-mata guru bilik darjah. Oleh kerana itu, praktikum harus dilihat dan dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu yang melibatkan usaha sama antara maktab dan sekolah/institusi.

5. MATLAMAT

Latihan mengajar membolehkan pelajar menguasai dan mengamalkan segala konsep, prinsip, kemahiran dan nilai yang diperlukan oleh seseorang insan guru yang profesional. Latihan mengajar juga membantu perkembangan potensi pelajar supaya mempunyai daya ketahanan diri dalam menghadapi pelbagai cabaran di sekolah/institusi.

6. OBJEKTIF

Melalui program ini, diharap pelajar akan dapat:

- i. memupuk sikap positif, meningkatkan daya ketahanan diri serta mengamalkan nilai profesional keguruan;
- ii. membina daya suai, daya tahan, daya saing dan daya cipta;
- iii. meningkatkan kemahiran memerhati, keprihatinan dan kepekaan terhadap murid;
- iv. menyesuaikan diri dengan budaya sekolah/institusi;
- v. menyepadukan teori dengan amali pengajaran pembelajaran;
- vi. menguasai strategi pengajaran;
- vii. mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pengajaran pembelajaran dan seterusnya memperkembangkan potensi mereka sebagai guru; dan
- viii. membuat renungan dan penilaian sendiri dalam semua aspek tugas guru.

Melalui program ini juga, pihak institut/maktab dan sekolah dapat:

- i. memberi bimbingan secara menyeluruh yang merangkumi semua aspek pengajaran pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah;
- ii. mengeratkan hubungan profesional antara maktab perguruan dan sekolah melalui perbincangan dan perkongsian maklumat serta kepakaran dalam konteks pengajaran pembelajaran; dan
- iii. menilai prestasi pelajar semasa praktikum.

PRAKTIKUM

1. KONSEP

Praktikum memberi peluang kepada pelajar mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah di bawah bimbingan pensyarah pembimbing. Pelaksanaan program peringkat ini diasaskan kepada ciri perkongsian pintar dan permuafakatan antara maktab perguruan, sekolah/institusi dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

2. OBJEKTIF

Melalui program praktikum ini, pelajar dapat:

- (a) menyepadukan teori dengan amali pengajaran pembelajaran/ dan bimbingan dan kaunseling;
- (b) mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pengajaran pembelajaran;
- (c) merancang dan melaksanakan pengajaran pembelajaran secara berpasangan dan individu dengan bimbingan;
- (d) mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pengajaran pembelajaran;
- (e) memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri serta menghayati dan mengamalkan nilai profesion keguruan;
- (f) memperkembang potensi diri sebagai pendidik / dan guru bimbingan melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri dalam semua aspek tugas;
- (g) mengoptimumkan kegunaan sumber teknologi dalam pembestarian proses pengajaran pembelajaran dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling;
- (h) menguasai kemahiran pemudahcaraan; dan
- (i) menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum.

PROSEDUR PELAKSANAAN

Pelaksanaan Praktikum bagi kursus praperkhidmatan yang dijalankan melalui program PLPS dilaksanakan sebagaimana ditetapkan dalam struktur kursus. Jadual 1 menunjukkan struktur pelaksanaan Praktikum.

Jadual 1: Pelaksanaan Praktikum

NAMA KURSUS/PROGRAM	TEMPOH PELAKSANAAN PRAKTIKUM	
Kursus Diploma Perguruan Malaysia/KDPM	Fasa 1 10 minggu (Peringkat IV)	Fasa 2 14 minggu (Peringkat V)
Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)	12 Minggu (Peringkat II)	
Kursus Perguruan Lepas Diploma/KPLD	12 Minggu (Peringkat II)	

(i) **Tempat Praktikum**

Pelajar menjalani Praktikum di sekolah/institusi tempat mereka bertugas.

(ii) **Tempoh**

Tempoh pelaksanaan praktikum adalah seperti ditetapkan dalam struktur program sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 1 (muka surat 8).

(iii) **Bilangan Waktu Mengajar**

- (a) Minimum 10 waktu mengajar seminggu.
- (b) Maksimum 12 waktu mengajar seminggu.
- (c) Pelajar diwajibkan mengajar mata pelajaran major / mata pelajaran berkaitan jika timbul keperluan.
- (d) KDPM & KPLI pra sekolah adalah diwajibkan mengajar/mengendalikan mata pelajaran major dan satu mata pelajaran minor.
- (e) Pelajar KPLI, dan KPLD diwajibkan mengajar/ mengendalikan mata pelajaran major dan satu mata pelajaran minor.
- (f) Selain waktu mengajar semasa Praktikum, pelajar swasta juga perlu melaksanakan tanggungjawab yang ditentukan oleh sekolah/institusi.

(iv) **Bilangan Penyeliaan**

- (a) Penyeliaan hendaklah berasaskan pencerapan klinikal.
- (b) Bimbingan berterusan **MESTI** diamalkan sepanjang praktikum.
- (c) Penilaian **HANYA** dibuat selepas bimbingan diberikan.
- (d) Jadual 2 dan Jadual 3 adalah panduan agihan penyeliaan.

Jadual 2 : Agihan Penyeliaan Untuk KDPM

Kursus	Mata Pelajaran	FASA 1				FASA II			
		Pra Penye.	IPG	Sek/Ins	Jum	IPG	Sek/Ins	Jum	Jum Kesel.
KDPM	Major	1	3	-	4	5	-	5	9

Jadual 3: Agihan Waktu Mengajar

Kursus	Mata Pelajaran	Pra Penyeliaan	IPG	Sekolah/ Institusi	Jumlah Keseluruhan
KPLI/ KPLD	Major	1	4	-	5

4. **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

(i) Pelajar

- (a) Menghadiri taklimat praktikum.
- (b) Memahami dan menghayati objektif praktikum.
- (c) Berbincang dengan pensyarah pembimbing untuk mencapai persefahaman tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa praktikum.
- (d) Membina hubungan profesional dengan pengurus sekolah/institusi, guru-guru, tenaga pengajar dan staf sekolah/institusi.
- (e) Menghantar jadual waktu, senarai tugas, takwim sekolah dan maklumat-maklumat lain kepada maktab dalam minggu pertama.
- (f) Mematuhi dan mengamalkan etika keguruan, peraturan maktab dan peraturan sekolah/institusi.
- (g) Hadir ke sekolah/institusi sepanjang tempoh praktikum.
- (h) Menandatangani borang/buku kehadiran setiap hari persekolahan dan aktiviti anjuran sekolah/institusi.
- (i) Mendapatkan sukatan pelajaran dari sekolah/institusi.
- (j) Membuat rancangan semester, harian dalam buku persediaan mengajar.
- (k) Membuat Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang lengkap sebelum melaksanakan pengajaran mengikut bilangan waktu mengajar yang telah ditetapkan. Syarat ini perlu dipenuhi oleh semua pelajar. Rujuk Jadual 2.
- (l) Mengamalkan penulisan jurnal sekurang-kurangnya sekali seminggu sepanjang tempoh praktikum berdasarkan garis panduan Penulisan Jurnal. (Rujuk Lampiran 2).
- (m) Melengkapkan/mengemaskinikan portfolio praktikum dan menyerahkannya kepada pensyarah pembimbing setiap kali bimbingan/penyeliaan dijalankan.
- (n) Melibatkan diri dan membantu pengendalian sekurang-kurangnya satu komponen kokurikulum. (Rujuk Lampiran 3)
- (o) Menghantar satu salinan Borang Kehadiran Praktikum (Rujuk Lampiran dalam PT12) kepada pensyarah Pembimbing sebaik sahaja tamat praktikum.
- (p) Mengisi Borang Refleksi Praktikum dalam minggu pertama mereka kembali ke maktab selepas tamat praktikum. Rujuk Lampiran dalam PT12.

(ii) Pensyarah Pembimbing

- (a) Menerima surat pelantikan sebagai pensyarah pembimbing daripada Pengarah IPG.
- (b) Menghadiri taklimat praktikum.
- (c) Berbincang dengan pelajar tentang urusan praktikum.
- (d) Membuat lawatan ke sekolah/institusi, berjumpa dan berbincang dengan pengurus sekolah/institusi untuk menjalin hubungan profesional.
- (e) Melapor kemajuan pelajar dari semasa ke semasa kepada Pasukan Pengurusan Praktikum IPG.
- (f) Menyemak dan membincangkan portfolio praktikum bersama pelajar.
- (g) Menyimpan rekod dan dokumen bimbingan yang kemas kini.
- (h) Memantau kehadiran, prestasi dan disiplin pelajar sepanjang tempoh praktikum.
- (i) Memaklumkan dengan segera secara bertulis kes-kes khas yang memerlukan perhatian dan tindakan Pasukan Pengurusan Praktikum IPG.
- (j) Menyemak buku persediaan mengajar pelajar dan mencadangkan pembaikan di mana perlu.
- (k) Memberi bimbingan berasaskan unsur-unsur pencerapan klinikal. (Rujuk Lampiran 3).
- (l) Menyelia secara tersebar sepanjang tempoh praktikum mengikut jadual penyeliaan yang telah ditetapkan.
- (m) Menjalankan mentoring menerusi proses pencerapan klinikal dan penyediaan portfolio praktikum.
- (n) Membimbing pelajar ke arah perkembangan sahsiah yang baik.
- (o) Melengkapkan Borang Bimbingan (cth. PR1, PR1/PRA), menyerahkan satu salinan kepada pelajar, dan menyimpan satu salinan dalam folder sendiri. Rujuk Lampiran 4 dan Lampiran 9,
- (p) Melengkap dan menyerahkan Borang Penilaian (cth. PR2) kepada Setiausaha Praktikum. Rujuk Lampiran 6 dan Lampiran 7.

(iii) Jawatankuasa Induk Praktikum Institut Pendidikan Guru (JKIPIPG)

- (a) Menentukan dasar pelaksanaan praktikum di peringkat IPG.
- (b) Menjalankan pemantauan pelaksanaan praktikum. Membuat lawatan perbincangan ke sekolah/institusi untuk menyelesaikan masalah kritikal.

- (c) Menjalankan rentasan ke atas semua pelajar yang dicalonkan sebagai kes gagal dan cemerlang untuk menentukan kes-kes gagal dan cemerlang dengan menggunakan Borang Penilaian (cth: PR2). Markah calon cemerlang untuk rentasan ialah 90% dan ke atas.
- (d) Mengendalikan kes-kes khas seperti penangguhan, melengkapkan tempoh praktikum, gagal praktikum, bermasalah disiplin dan tatatertib dan mengambil tindakan sewajarnya.
- (e) Mengesahkan kehadiran dan keputusan praktikum.

(iv) Pasukan Pengurusan Praktikum

- (a) Melaksanakan dasar praktikum yang diputuskan.
- (b) Merancang dan menyediakan Jadual Kerja Pelaksanaan Praktikum.
- (c) Merancang dan menguruskan penempatan pelajar dan pensyarah pembimbing.
- (d) Merancang dan mengurus taklimat kepada pelajar, pensyarah pembimbing dan pihak sekolah/institusi.
- (e) Merancang dan mengurus latihan pementoran untuk pensyarah pembimbing .
- (f) Memastikan kelancaran perjalanan praktikum.
- (g) Menguruskan pengumpulan dokumen dan rekod praktikum.
- (h) Menguruskan keputusan praktikum sebelum disahkan oleh JIKPMPG dan diserahkan kepada Setiausaha Peperiksaan (SUP).
- (i) Menyediakan laporan tahunan praktikum untuk kegunaan IPG.
- (j) Menyediakan dokumen dan laporan kes-kes untuk dibawa ke JKIPG.
- (k) Menyediakan Laporan Prestasi Praktikum Pelajar dan menghantar ke BPG.

(v) Pengurus Sekolah/Institusi

- (a) Meneliti dan mengambil tindakan berdasarkan Garis Panduan Praktikum yang diterima dari IPG.
- (b) Menubuhkan Jawatankuasa Praktikum peringkat sekolah/institusi.
- (c) Memastikan bilangan waktu mengajar adalah berdasarkan garis panduan dan pelajar mengajar matapelajaran major yang telah ditetapkan.
- (d) Mengawasi disiplin pelajar dan mengesahkan kehadiran mereka.
- (e) Memberitahu secara bertulis kepada pihak IPG berkenaan dari semasa ke semasa tentang pelajar yang:
 - tidak menjalankan tugas dengan memuaskan

- tidak hadir tanpa sebab.
 - kes-kes disiplin
 - kes-kes kesihatan dan kemalangan
- (f) Menyemak dan mengesahkan rancangan pelajaran dan persediaan mengajar pelajar.
- (g) Mengesahkan kehadiran pelajar dengan menandatangani Borang Kehadiran Praktikum.
- (h) Mengambil tahu hal-hal berkaitan dengan kebajikan pelajar dan membuat tindakan susulan.
- (i) Memastikan segala tindakan berkaitan dengan pelaksanaan penyeliaan praktikum dilaksanakan dengan sempurna.
- (j) Memastikan pelajar dilibatkan dalam kokurikulum/ aktiviti sukarela sekolah/insitisi.
- (k) Membuat penilaian dalam PR5/Sw seperti dalam Lampiran 13.

5. KEHADIRAN PRAKTIKUM

- (a) Kehadiran pelajar dalam praktikum adalah 100%.
- (b) Pelajar KDPM dikehendaki melengkapkan kehadiran dalam Praktikum Fasa I dan Praktikum Fasa II.
- (c) Tindakan bagi kehadiran yang kurang daripada 100% **“dengan kebenaran”** adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

“PERKARA-PERKARA MUSTAHAK YANG MEMBOLEHKAN PELAJAR MENINGGALKAN PRAKTIKUM (CUTI) DENGAN KEBENARAN OLEH PENGARAH ATAU TIMBALAN PENGARAH MAKTAB INSTITUSI BERKAITAN TETAPI TIDAK MELEBIHI 30% DARIPADA JUMLAH HARI PRAKTIKUM.”

- Pelajar jatuh sakit atau cedera. Pengesahan oleh doktor/pegawai perubatan adalah diperlukan.
- Menjadi saksi atau terlibat dalam perbicaraan kes mahkamah.
- Keluarga terdekat meninggal dunia.
- Peristiwa luar jangkaan dan keadaan kecemasan.
- Sebab-sebab lain yang diberi kebenaran oleh Pengarah atau Timbalan Pengarah / pihak pengurus sekolah / institusi pendidikan.

**Jadual 4 : Tindakan Bagi Kes Kehadiran Praktikum
Kurang Daripada 100%**

Kehadiran Praktikum	Tindakan
90 % ke atas	JKIPIPG akan menentukan sama ada pelajar perlu melengkapkan kehadiran praktikum atau tidak.
70% - 89.9%	Pelajar wajib melengkapkan kehadiran praktikum.
Kurang daripada 70%	Pelajar wajib mengulang keseluruhan praktikum.

- (d) Kehadiran praktikum yang kurang daripada 100% tanpa sebab/tanpa kebenaran, kesnya akan dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib untuk tindakan tatatertib.

6. PENANGGUHAN PRAKTIKUM

- (a) Penangguhan praktikum tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh JKIPIPG.
- (b) Penangguhan tidak boleh melebihi tempoh satu tahun dari tarikh berkuat kuasa penangguhan.
- (c) Pelajar mesti melaporkan diri ke IPG asal mereka selepas tamat tempoh penangguhan yang dipohon.
- (d) Pelajar dibenarkan menangguh praktikum sekali sahaja sepanjang tempoh berkursus.

7. KES GAGAL PRAKTIKUM

- a) Pelajar yang **GAGAL** Praktikum perlu mengulang Praktikum .
- b) Sekiranya pelajar disahkan **GAGAL** dalam Praktikum oleh Jawatan kuasa Peperiksaan dan Penilaian Institut Pendidikan Guru (JKPPIPG), pelajar berkenaan dikehendaki mengulang Fasa II sahaja bagi pelajar KDPM dan mengulang Praktikum keseluruhannya bagi pelajar KPLI, KPLI SR, dan KPLD.
- c) Pelajar diberi peluang mengulang praktikum sekali sahaja.

8. SYARAT TAKSIRAN PRESTASI PELAJAR DALAM PRAKTIKUM

- a) Asas taksiran untuk menetapkan prestasi pelajar adalah berdasarkan penilaian formatif .
- b) Penilaian formatif dibuat secara berterusan oleh pensyarah pembimbing dengan menggunakan Borang Bimbingan contohnya Borang PR1.

- c) Pensyarah pembimbing membuat rumusan prestasi pelajar dengan menggunakan Borang Penilaian yang berkaitan (cth: PR1/P dan PR 2).
- d) Komponen penilaian prestasi pelajar dalam praktikum dibuat berasaskan kepada komponen seperti di dalam Jadual 5.

Jadual 5: Komponen Penilaian Praktikum

Komponen Penilaian	Rujukan
1. Kemahiran interpersonal dan intrapersonal	Portfolio, perbincangan dengan pihak sekolah/ institusi
2. Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	Borang bimbingan (contohnya: Borang PR1), Portfolio
3. Pelaksanaan Kokurikulum	Portfolio
4. Peranan-Peranan lain	Portfolio

- (e) Pemberatan untuk penilaian Praktikum

Pemberatan bagi penilaian Praktikum (Fasa I dan Fasa II) adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Pemberatan Untuk Penilaian Praktikum

Program	Pengurus Sekolah	Fasa I	Fasa II	Pemberatan
KDPM	20	30	50	100
KPLI	20	80		100

- (f) Syarat penentuan keputusan

Prestasi pelajar dalam praktikum diputuskan mengikut Gred **seperti yang ditetapkan dalam Syarat dan Peraturan Sistem Peperiksaan dan Penilaian Pendidikan Guru yang dikeluarkan** oleh Lembaga Peperiksaan Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru (LPPG)

- (i) Penentuan Lulus berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:
 - Kehadiran 100 % dalam Praktikum Fasa I dan II
 - Lulus dalam praktikum.
 - Menunjukkan sikap positif terhadap profesion keguruan.

- (ii) Penentuan Cemerlang
 - Lulus dengan cemerlang dalam praktikum.
 - Pencalonan dibuat 3 minggu sebelum Praktikum Fasa II/Praktikum tamat.
 - Pencalonan dan pengesahan cemerlang menggunakan Borang Penilaian Borang PR2.
 - Menunjukkan sikap positif terhadap profesion keguruan.
- (iii) Penentuan Gagal berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:
 - Pelajar tidak memenuhi syarat-syarat seperti disenaraikan dalam kategori lulus.
 - Pelajar menunjukkan sikap yang negatif dan tidak mematuhi teguran dan bimbingan yang diberikan dari semasa ke semasa, walaupun telah diberi amaran secara bertulis sebanyak tiga kali (contoh: tidak menyediakan RPH).
 - Melanggar mana-mana peraturan di bawah Akta 174 disabitkan kesalahan.

III. LAMPIRAN

Lampiran 1

PENULISAN JURNAL

1. Konsep

Satu bentuk catatan berterusan mengenai sesuatu peristiwa, masalah, pencapaian atau bidang yang perlu diberi penekanan. Jurnal bertujuan membantu pelajar merenung, menilai dan menjadikannya sebagai asas untuk mengambil tindakan susulan.

2. Objektif

Pelajar dapat:

- 2.1. menyimpan catatan penglibatannya di sekolah semasa praktikum untuk renungan.
- 2.2. menilai tugas dan tanggungjawab yang telah dijalankannya.
- 2.3. menjadikannya asas/panduan tindakan susulan.
- 2.4. meningkatkan kepekaannya terhadap bidang tugas guru.
- 2.5. menjadikannya sebagai bahan perbincangan dengan pensyarah pembimbing/guru pembimbing.
- 2.6. meningkatkan kemahiran profesionalismenya.

3. Garis Panduan

- 3.1. Pelajar dikehendaki menulis dan menyimpan jurnal sepanjang praktikum.
- 3.2. Catatan hendaklah merupakan butiran seperti peristiwa, masalah, pencapaian dan bidang-bidang penting semasa praktikum serta mengandungi pandangan dan cadangan untuk tindakan pembetulan/dan penambahbaikan.
- 3.3. Satu jangka masa ditetapkan untuk melaksanakan cadangan-cadangan mengatasi masalah yang telah dicatatkan.
- 3.4. Pelajar dikehendaki membuat catatan bagi mengesan kemajuan tindakan susulan yang telah dicatatkan.
- 3.5. Gunakan jurnal sebagai saluran merenung kembali tugas mereka sebagai guru.
- 3.6. Pelajar diminta membawa jurnal yang lengkap dan kemaskini sepanjang masa praktikum untuk disemak.

4. Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Dalam Penulisan Jurnal

- 4.1. Bimbingan perlu diberi oleh pensyarah pembimbing dan untuk memastikan perkara-perkara yang relevan dan kritikal sahaja dicatatkan.
- 4.2. Kandungan jurnal mesti dibincang bersama antara pelajar dan pensyarah pembimbing.

Lampiran 2

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH

1. Sukan dan Permainan

- (i) Melibatkan diri dalam pengajaran dan persiapan pasukan.
- (ii) Membantu Guru Penasihat melatih kumpulan/pasukan dalam pertandingan.
- (iii) Membantu Guru Penasihat dalam satu pertandingan yang dirancang seperti pertandingan antara kelas, sekolah atau karnival.
- (iv) Pelajar dikehendaki membuat laporan aktiviti kokurikulum yang dikendalikan dalam portfolio sepanjang praktikum.

2. Unit Beruniform

- (i) Melibatkan diri dalam satu Unit Beruniform yang diikuti oleh pelajar semasa di IPG.
- (ii) Membantu Guru Penasihat dalam latihan atau perjumpaan kokurikulum unit beruniform di sekolah.
- (iii) Membantu Guru Penasihat merancang dalam menjayakan perkhemahan/kursus/latihan/lawatan/projek.
- (iv) Membantu penubuhan atau kegiatan yang akan dibuat oleh pihak sekolah (jika perlu).
- (v) Menyelesaikan kerja atau tugas mengikut kurikulum unit beruniform yang diikuti di IPG (jika belum selesai)
- (vi) Pelajar dikehendaki membuat laporan kokurikulum yang dikendalikan dalam portfolio sepanjang praktikum

3. Aktiviti-aktiviti Tambahan

Sekiranya pelajar disahkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tambahan kokurikulum di peringkat sekolah/daerah/negeri dalam bidang sukan/permainan/unit beruniform seperti di bawah, pelajar berkenaan boleh diberi penilaian pada Tahap 4.

- (i) Merentasi desa
- (ii) Jogathon
- (iii) Hari Terbuka/Hari Ibu bapa
- (iv) Pasar Ria
- (v) Sukaneka dan sebagainya.
- (vi) Khidmat masyarakat

Lampiran 3

PENCERAPAN KLINIKAL

1. Konsep


Pencerapan klinikal merupakan proses penyeliaan yang merangkumi ciri-ciri seperti pemerhatian pengajaran secara langsung, pengumpulan data dari pemerhatian, penganalisan tingkah laku mengajar dan aktiviti untuk meningkatkan mutu pengajaran.

2. Objektif

Pensyarah pembimbing dan pelajar bersama-sama berusaha:

- (i) memperbaiki kelemahan pengajaran/pembelajaran,
- (ii) memperkembangkan potensi dan kemahiran

3. Lingkaran Pencerapan Klinikal



4. **Langkah-Langkah Dalam Pencerapan Klinikal**

A. **Sidang Prapemerhatian**

Peringkat ini bertujuan mewujudkan kefahaman yang menyeluruh (kerangka mental) dan langkah-langkah (prosedur) bagi setiap peringkat pencerapan yang akan berlaku. Pembimbing perlu berusaha menjalinkan perhubungan dan menyakinkan pelajar bahawa tujuannya adalah untuk membantu beliau dalam aspek-aspek profesional. Peringkat ini juga digunakan untuk menentukan fokus pemerhatian yang dipersetujui bersama.

B. **Pemerhatian**

Dalam peringkat ini pembimbing memerhati pengajaran yang disampaikan oleh pelajar dan membuat catatan (data). Pembimbing juga menyediakan huraian data bagi membantunya semasa sesi bimbingan. Pemerhatian dilakukan sepanjang waktu pengajaran bagi mata pelajaran berkenaan.

C. **Analisis**

Langkah ini melibatkan pensyarah pembimbing dan pelajar dengan tujuan:

- (i) menjelaskan apa yang telah dicatat semasa pemerhatian dengan memberi fokus kepada apa yang telah dipersetujui.
- (ii) merancang strategi pencerapan yang akan dikendalikan.

Pembimbing mengkategorikan data, menyediakan strategi tindakan sidang pasca pemerhatian, soalan dan kesimpulan.

D. **Sidang Pasca Pemerhatian**

Dalam sidang ini pensyarah pembimbing berbincang dengan pelajar tentang pengajaran dengan

- merujuk kepada perkara-perkara (episod-episod) tertentu dalam pelajaran.
- mencari penerangan atau penjelasan.
- mengenal pasti alternatif.

E. **Analisis Sidang Pasca Pemerhatian**

Langkah ini melibatkan pensyarah pembimbing menganalisis sidang pasca pemerhatian bagi mengkaji semula strategi pencerapan dan membuat penilaian sendiri.

Lampiran 4

Borang PR 1

**BORANG BIMBINGAN PRAKTIKUM
KPLI/KPLI SR/KPLD/KDPM**

Nama Pelajar : ----- No. K.P.: -----

Kursus : -----

Pengkhususan/Opsyen: -----

Praktikum : Fasa I / Fasa II/Praktikum

Sekolah : -----

Mata Pelajaran : ----- Tajuk : -----

Tahun : ----- Tarikh : ----- Masa : ----- Penyeliaan Ke: -----

Petunjuk Tahap

(Sila bulatkan angka yang berkenaan)

Tahap 1: Terdapat banyak kelemahan yang perlu diberi perhatian.

Tahap 2: Terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian

Tahap 3: Pencapaian sederhana, masih perlu peningkatan

Tahap 4: Baik dalam banyak aspek

Tahap 5: Amat baik, cemerlang dalam banyak aspek

BORANG BIMBINGAN PRAKTIKUM PR1

Komponen	Aspek	Tahap	Ulasan
(A) PERANCANGAN	a. Hasil pembelajaran	1 2 3 4 5	
	b. Isi pelajaran	1 2 3 4 5	
	c. Strategi pengajaran pembelajaran	1 2 3 4 5	
	d. Sumber pengajaran pembelajaran	1 2 3 4 5	
	e. Penerapan nilai	1 2 3 4 5	
	f. Unsur KB	1 2 3 4 5	
(B) PELAKSANAAN	a. Permulaan	1 2 3 4 5	
	b. Perkembangan pengajaran	1 2 3 4 5	
	c. Pengurusan bilik darjah	1 2 3 4 5	
	d. Komunikasi	1 2 3 4 5	
	e. Kualiti pembelajaran	1 2 3 4 5	
	f. Penutup	1 2 3 4 5	
	g. Pencapaian hasil pembelajaran	1 2 3 4 5	
	h. Aplikasi nilai	1 2 3 4 5	
(C) AMALAN REFLEKSI	a. Pemikiran reflektif	1 2 3 4 5	
	b. Catatan reflektif	1 2 3 4 5	
	c. Pembinaan Portfolio	1 2 3 4 5	
(D) SIKAP DAN SAHSIAH	a. Penampilan diri	1 2 3 4 5	
	b. Keprihatinan	1 2 3 4 5	
	c. Pekerti	1 2 3 4 5	
	d. Sifat Profesional	1 2 3 4 5	
(E) ULASAN KESELURUHAN:			

.....
Tandatangan Pensyarah Pembimbing

(Nama:)

.....
Tandatangan Pelajar

Lampiran 5

PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PR1

1. Borang PR1 digunakan oleh pensyarah pembimbing semasa menjalankan bimbingan dan penyeliaan dalam Praktikum Fasa 1 dan Fasa 2 / Praktikum.
2. Empat komponen yang mengandungi aspek-aspek tertentu disediakan untuk fokus bimbingan. Bagi setiap aspek, disediakan tahap untuk mengenal pasti peringkat prestasi / kecekapan pelajar. Kriteria setiap peringkat untuk setiap aspek diuraikan dalam lampiran ini.
3. Borang PR1 akan digunakan sebagai bahan rujukan untuk membuat penilaian dan rumusan bersama pensyarah pembimbing pada akhir Fasa 1 dan Fasa 2 / Praktikum.
4. Satu salinan Borang PR1 yang telah lengkap diisi perlu diberikan kepada pelajar selepas setiap bimbingan bertujuan memberi maklum balas dan dimasukkan dalam portfolio.

Petunjuk berikut boleh digunakan sebagai panduan untuk mencatat ulasan dalam Borang PR1

A PERANCANGAN

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
<p>a. Hasil Pembelajaran</p> <p>Hasil pembelajaran tidak eksplisit, tidak sesuai dengan peringkat kebolehan murid dan tidak memenuhi kehendak sukatan pelajaran</p>	<p>Hasil pembelajaran kurang eksplisit, kurang tepat dan kurang sesuai dengan kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran</p>	<p>Hasil pembelajaran eksplisit, tepat, jelas, tetapi kurang spesifik mengikut kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran</p>	<p>Hasil pembelajaran eksplisit, tepat, jelas dan spesifik mengikut kehendak sukatan pelajaran tetapi kurang mengikut kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran</p>	<p>Hasil pembelajaran eksplisit, tepat, jelas dan spesifik mengikut kebolehan murid serta kehendak sukatan pelajaran</p>
<p>b. Isi Pelajaran</p> <p>Isi tidak sesuai dengan hasil pembelajaran dan sukatan pelajaran.</p> <p>Pemeringkatan isi pelajaran tidak mengikut urutan bagi mencapai hasil pembelajaran</p>	<p>Isi kandungan kurang sesuai dengan hasil pembelajaran dan sukatan pelajaran.</p> <p>Pemeringkatan isi pelajaran kurang mengikut urutan untuk mencapai hasil pembelajaran</p>	<p>Isi sesuai dengan hasil pembelajaran dan sukatan pelajaran.</p> <p>Pemeringkatan isi pelajaran kurang mengikut urutan bagi mencapai hasil pembelajaran</p>	<p>Isi sesuai dengan hasil pembelajaran dan sukatan pelajaran.</p> <p>Pemeringkatan isi jelas mengikut urutan bagi mencapai hasil pembelajaran</p>	<p>Isi amat sesuai dengan hasil pembelajaran dan sukatan pelajaran.</p> <p>Pemeringkatan isi amat jelas mengikut urutan bagi mencapai hasil pembelajaran</p>

Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3	Tahap 4	Tahap 5
<p>c. Strategi Pengajaran Pembelajaran</p> <p>Strategi dan aktiviti tidak sesuai dan tidak mengambil kira hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, keunikan individu murid (cth: kecerdasan pelbagai), sumber pengajaran pembelajaran, masa dan situasi.</p>	<p>Strategi dan aktiviti kurang sesuai dan kurang mengambil kira hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, keunikan individu murid, sumber pengajaran pembelajaran, masa dan situasi.</p>	<p>Strategi dan aktiviti sesuai tetapi hanya mengambil kira sebahagian daripada faktor berikut: hasil pembelajaran yang hendak dicapai, isi pelajaran, keunikan individu murid, sumber pengajaran pembelajaran, masa dan situasi.</p>	<p>Strategi dan aktiviti sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua aspek pengajaran pembelajaran termasuk unsur-unsur ICT dan KMD.</p>	<p>Strategi dan aktiviti amat sesuai, bertepatan dan mengambil kira semua aspek pengajaran pembelajaran termasuk unsur-unsur ICT dan KMD.</p>
<p>d. Sumber Pengajaran Pembelajaran</p> <p>Pemilihan sumber yang tidak sesuai, tidak mencukupi, tidak menarik, tidak mencabar dan tidak berfungsi</p>	<p>Pemilihan sumber kurang sesuai, kurang mencukupi, kurang menarik, kurang mencabar dan kurang berfungsi</p>	<p>Pemilihan sumber sesuai, mencukupi, tetapi kurang menarik, kurang mencabar dan kurang berfungsi</p>	<p>Pemilihan sumber baik, sesuai serta membantu proses pengajaran pembelajaran termasuk penggunaan ICT</p>	<p>Pemilihan sumber amat baik dan amat sesuai serta amat membantu proses pengajaran pembelajaran termasuk penggunaan ICT</p>
